

Minat budaya dorong pelajar Jepun lanjut pengajian di UMS

DE 24.11.2019 3

Ricardo Unto

KOTA KINABALU: Ia hanya mengambil 10 hari untuk Fuyuko Iwasaki (**gambar**) memupuk minat mendalam dalam budaya tempatan, termasuk bahasa Dusun dan makanan tradisional.

Dan minat tersebut membuatkannya berada jauh dari kampung halamannya di Chiba, Jepun, untuk menyelidiki budaya Dusun untuk Ijazah Sarjananya dalam Antropologi Sosial di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

“Semasa tahun akhir untuk Ijazah Sarjana Muda saya dalam bidang ekonomi di Gakushuin University, Tokyo, pada 2012, saya mengambil bahagian dalam program antarabangsa dengan penyelia saya,” katanya semasa ditemui di sini, Sabtu.

“Pelajar perlu berada di sebuah kampung kecil dalam program itu selama 10 hari untuk menjalankan aktiviti, dan kami dihantar ke Kampung Buayan, Penampang...ia merupakan kali pertama saya ke kampung penduduk Dusun.

“Sejak dari itu, saya tertarik dengan gaya hidup dan budaya orang Sabah, termasuk kaum Dusun yang membuatkan saya memutuskan untuk melanjutkan Ijazah Sarjana saya di UMS.

Sebelum mendaftarkan diri ke UMS untuk ijazah Sarjananya, dia kembali ke kampung yang sama, pada 2013, tetapi kali ini, dia sendirian dan dia tinggal lebih lama.



“Pada masa itu, sya masih belum memahami Bahasa Melayu atau Dusun. Saya membawa kamus Dusun-Inggeris-Melayu di mana-mana saya pergi dan berkomunikasi dengan penduduk tempatan dengan kerap.

“Saya mengambil nota untuk setiap perkataan yang saya pelajari dan pada minggu ketiga, saya dapat memahami beberapa perkataan Melayu, dan pada penghujung bulan saya tinggal di Kampung Buayan, saya dapat bercakap perkataan Melayu.

“Untuk bahasa Dusun, kini saya memahaminya, tetapi masih belum dapat bercakap dengan fasih,” katanya.

Mempelajari kedua-dua bahasa adalah suatu kemestian untuknya kerana dia mahu mengkaji penduduk setempat di sana.

“Jika saya dapat memahami kedua-dua bahasa itu, lebih mudah bagi saya untuk bercakap dengan mereka untuk kajian Ijazah Sarjana saya.

“Bahasa Dusun lebih sukar untuk dipelajari, terutama tatabahasanya.

Dia mendaftar di UMS pada 2015, dan hari ini dia salah seorang 123 graduan antarabangsa daripada 4,159 graduan yang bergraduasi pada Majlis Konvokesyen UMS Ke-21.

“Saya mahu bekerja terlebih dahulu, dan jika ada peluang, saya ingin meneruskan pengajian kedoktoran saya.

“Pada masa yang sama, saya ingin cuba mempromosikan dan menjual kraf tangan rakyat Sabah di Jepun, dan walaupun saya tidak dapat mencari pekerjaan di sini, saya ingin mendapatkan kerja yang berkaitan dengan Sabah,” katanya.